

**Sidang Dewan Negara Ditangguh, Lulus Lapan Rang Undang-undang
Bernama
17 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Dewan Negara yang bersidang selama enam hari sejak 9 Julai lepas ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Sepanjang persidangan berlangsung sebanyak lapan rang undang-undang diluluskan iaitu Rang Undang-Undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2012 Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012, Rang Undang-Undang Pelindung (Pindaan) 2012 dan Rang Undang-Undang Perubatan (Pindaan) 2012.

Turut diluluskan ialah Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012, Rang Undang-Undang Umur Persaraan Minimum 2012, Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012 dan Rang Undang-Undang Francais (Pindaan) 2012.

Persidangan kali ini juga menyaksikan pelantikan seorang Senator baru iaitu Timbalan Pengerusi Tetap Dewan Muslimat PAS Kelantan, Khairiah Mohamed yang menggantikan Mumtaz Mohd Nawi yang tamat tempoh perkhidmatan.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681378>